

27 DEC 2003

FELDA-BSKL

KERTAS CADANGAN PENYENARAIAAN FELDA BELUM DISERAH

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Kertas cadangan terperinci mengenai penyenaaraian Felda Holdings di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang disediakan oleh Kementerian Kewangan belum dibawa ke Kabinet.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Yusof Mohd Noor, berkata: "Saya diberitahu, Kabinet masih lagi menunggu kertas kerja mengenai cadangan penyenaaraian itu."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas upacara perasmian Simposium dan Ekspo Keusahawanan Felda 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Rancangan untuk menyenaaraikan Felda Holdings di BSKL telah diumumkan September lepas oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjadi perdana menteri dan menteri kewangan ketika itu, semasa membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, kerajaan kemudian memutuskan untuk mengkaji cadangan itu dengan lebih mendalam bagi memastikan kepentingan peneroka Felda terpelihara.

Bulan lalu, Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Robia Kosai, memberi jaminan kepada peneroka di 300 rancangan tanah Felda di seluruh negara bahawa hak mereka tidak akan terjejas ekoran penyenaaraian itu.

Beliau berkata para peneroka akan mendapat peruntukan saham dan faedah-faedah lain yang akan membantu mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

Menurut laporan, masyarakat Felda, iaitu peneroka dan kakitangan, dijangka menguasai 33 peratus ekuiti, bernilai kira-kira RM3.3 bilion, dalam Felda Holdings apabila ia disenaraikan.

Ladang-ladang yang terlibat dalam penyenaaraian itu adalah milik Felda yang meliputi keluasan 354,000 hektar. Ladang-ladang milik peneroka dengan jumlah keluasan 837,000 hektar, tidak akan disentuh. -- BERNAMA

SM MKO KY JR